



SIARAN MEDIA

PROJEK LOJI WTE SUNGAI UDANG PERKUKUH AGENDA TENAGA BOLEH BAHARU, BERPOTENSI BENDUNG KRISIS TENAGA GLOBAL

SUNGAI UDANG, 2 APRIL 2026 - Majlis Pecah Tanah Loji Waste-to-Energy (WtE) Sungai Udang, Melaka telah disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming bersama Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh hari ini.

Menurut YB Nga Kor Ming, pelaksanaan projek WtE jangka masa panjang bernilai RM660 juta ini dapat memperkukuhkan agenda tenaga boleh diperbaharui negara, sekali gus membantu mengurangkan tahap kebergantungan tenaga dalam ketika mendepani krisis tenaga global.

“Konflik yang tercetus antara Amerika Syarikat dan Iran telah menyebabkan gangguan serius di Selat Hormuz yang merupakan nadi utama penghantaran tenaga dunia. Selat ini mengendalikan kira-kira 20% bekalan minyak dan gas global, maka sebarang ketidakstabilan di sana mencetuskan kesan rantaian yang amat besar terhadap pasaran tenaga antarabangsa,” ujar beliau.

Tambah beliau, pelaksanaan projek ini yang dijangka siap serta beroperasi sepenuhnya pada tahun 2029, dapat membantu mengurus sisa pepejal secara lebih sistematik dan mesra alam, menyumbang kepada penjanaan tenaga boleh baharu serta mengurangkan pelepasan karbon secara signifikan.

Loji tersebut dengan **keluasan 9.8 ekar** akan beroperasi di bawah tempoh konsesi selama 34 tahun termasuk tiga tahun tempoh pembinaan berupaya memproses sehingga 1,000 tan sisa pepejal setiap hari serta menjana sehingga 22 megawatt tenaga elektrik.

KPKT menerusi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah merancang untuk membina sebanyak 18 buah loji WtE di seluruh negara yang dijangka menjana sehingga 600 megawatt tenaga boleh baharu menjelang tahun 2040.

“Langkah ini menyokong sasaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) iaitu 70% kapasiti tenaga boleh baharu menjelang 2050. Ia juga jelas mencerminkan komitmen kukuh kerajaan MADANI dalam mentransformasikan pengurusan sisa pepejal negara ke arah pendekatan yang lebih mampan, moden, dan berteraskan teknologi hijau,” kata beliau.

Penggunaan teknologi WtE berupaya mengurangkan sehingga 85% sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan, manakala baki 15% lagi boleh dimanfaatkan semula melalui pendekatan ekonomi kitaran.

Pelaksanaan projek ini juga dijangka dapat mengurangkan lebih 259,000 tan pelepasan karbon dioksida setiap tahun, bersamaan dengan pelepasan karbon dioksida bagi 56,000 kenderaan di jalan raya setiap tahun.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh menegaskan bahawa pembangunan loji ini merupakan manifestasi komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkasa penggunaan teknologi hijau sebagai pemangkin pembangunan Melaka ke arah sebuah negeri yang bersih, hijau dan mampan.

Projek ini dibangunkan melalui model Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dengan Malakoff sebagai pelabur strategik utama. Ia bukan sahaja mengeratkan hubungan sektor awam-swasta malah mencerminkan komitmen bersama untuk memastikan pengurusan sisa pepejal negara terus diperkasa demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar.

Dalam tempoh interim sebelum loji WtE siap, JPSPN sedang melaksanakan pembinaan sel baharu di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang dengan kos RM48.5 juta bagi memastikan kesinambungan pengurusan sisa pepejal di Melaka dapat diteruskan dengan teratur dan terkawal, sejajar dengan strategi jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan.

Turut hadir ialah YB Datuk Wira Hj. Ibrahim bin Durum, Speaker Dewan Undangan Negeri; YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Kanan Perumahan Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Melaka; YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Datuk Wira Azhar bin Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YBhg. Dato' Ir. Ts. Gs. Dr. Mohd Azhar bin Abd Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara serta Encik Syahrudin bin Samsudin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malakoff Corporation Berhad.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

